



24 Disember 2020

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).**

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Penilaian akan dilaksanakan ke atas 5 ladang yang diuruskan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) pada **25 hingga 27 Januari 2021**. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Jumlah Peneroka	Rujukan GPS
Lembah Beriah	Kerian, Lembah Beriah, Perak	111.693	0	5.082183, 100.6272648
Sungai Serai	KM 75, Lebuhraya Kuantan/Segamat, Pahang	343.983	0	3.2862234115600586, 103.12591552734375
Sungai Chemaran	PTD 423, Mukim Tanjung Surat, Peti Surat, 81900 Kota Tinggi, Johor	156.209	0	1.557905, 104.2074883
Sungai Karap	Lot 1, Blok 24, Puyut Land District, Baram 98050 Miri, Sarawak	2999.9347	0	4.0169646, 114.1853139
SABY	Mukim Ulu Sungai Sedili Besar, Peti Surat 97, 81900 Kota Tinggi, Johor	121.406	0	1.8184927, 103.973394

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TCI telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) terdiri daripada:

- i) **Encik Ermadasila bin Mohamad** sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) **Cik Nur Syahirah binti Yaccob** sebagai Juruadit (Aspek Persekitaran dan HCV)



Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 25 Januari 2021
Masa : 10:00 a.m. – 12:00 p.m.
Lokasi : PTD 423, Mukim Tanjung Surat, Peti Surat, 81900 Kota Tinggi, Johor

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirимkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan



Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Penyelaras Skim

Nur Sakinah binti Mohamed Tamat
Trans Certification International Sdn Bhd.
No. B52, Tingkat 1,
Jalan IM3/10, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,

Nur Sakinah binti Mohamed Tamat

Penyelaras Skim

Trans Certification International Sdn Bhd